

Peranan Zakat dalam Memperkasa Dakwah di Sabah: Analisis Isu dan Cabaran Kontemporari

[The Role of Zakat in Empowering Da'wah in Sabah: An Analysis of Issues and Contemporary Challenges]

Sarip Adul^{1,*}, Iwansuzairie Hari², Azman Ab Rahman³, Muhammad Azhad Al-Bohari³

¹Faculty of Islamic Studies University Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
E-mail: sarip@ums.edu.my

² Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah, 88818 Kota Kinabalu, Sabah
E-mail: Iwansuzairie.Hari@sabah.gov.my

³ Faculty of Syariah and Law University Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan
E-mail: azman@usim.edu.my, azhadsampj@gmail.com

*Corresponding Author; E-mail: sarip@ums.edu.my

Received date: 19/7/2025

Acceptance date: 5/8/2025

Available Online: 31/8/2025

ABSTRAK

Artikel ini meneliti peranan zakat sebagai instrumen penting dalam memperkasa dakwah di Sabah yang berdepan dengan cabaran kemiskinan, pendidikan, pemerkasaan mualaf serta isu pelarian dan stateless. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dengan merujuk kepada data Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), serta kajian akademik terdahulu. Dapatan menunjukkan bahawa lebih 50% agihan zakat disalurkan kepada fakir miskin, diikuti dengan pelbagai bentuk sokongan pendidikan seperti dermasiswa, elaun guru, yuran pengajian dan penubuhan pusat pendidikan asnaf. Bagi golongan mualaf, zakat berperanan menyediakan bantuan material, sokongan spiritual dan pendidikan agama untuk menjamin kelangsungan iman. Sementara itu, isu pelarian dan stateless yang tidak diiktiraf sebagai penerima zakat ditangani melalui kerjasama strategik dengan badan bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan pendidikan dan kebajikan alternatif. Secara keseluruhannya, zakat bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme kebajikan tetapi juga sebagai medium dakwah yang memperkuuh kesejahteraan sosial dan memperkasakan masyarakat Islam di Sabah. Kajian ini mencadangkan agar strategi inovatif dan dasar baharu diperkenalkan bagi memperluas impak zakat dalam menghadapi cabaran dakwah kontemporari di Sabah.

Kata Kunci: Zakat, Dakwah, Sabah, Mualaf, Stateless

ABSTRACT

This article explores the role of zakat as a key instrument in strengthening da'wah in Sabah, a state that continues to face challenges of poverty, education, the empowerment of new Muslims (muallaf), as well as refugee and stateless issues. The study adopts a

document analysis approach by examining data from the Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), the Department of Statistics Malaysia (DOSM), and previous academic research. Findings reveal that more than 50% of zakat distributions are allocated to the poor and needy, followed by various forms of educational support such as scholarships, teachers' allowances, tuition fees, and the establishment of asnaf education centres. For muallaf, zakat plays a crucial role in providing material assistance, spiritual support, and religious education to ensure the continuity of faith. Meanwhile, issues concerning refugees and stateless communities—who are not formally recognised as zakat recipients—are addressed through strategic collaborations with non-governmental organisations (NGOs) that provide alternative education and welfare. Overall, zakat functions not only as a welfare mechanism but also as a medium of da'wah that reinforces social well-being and empowers Muslim communities in Sabah. The study recommends the introduction of innovative strategies and new policies to broaden the impact of zakat in addressing contemporary da'wah challenges in the state.

Keywords: Zakat, Da'wah, Sabah, Muallaf, Stateless

PENDAHULUAN

Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia dengan keluasan hampir 56% daripada Semenanjung Malaysia. Kedudukan geografinya yang luas menjadikan jarak antara bandar utama agak jauh; misalnya perjalanan dari Kota Kinabalu ke Tawau mengambil masa sekitar 9–10 jam (627 kilometer), manakala ke Sandakan sejauh 324 kilometer dengan tempoh perjalanan lebih tujuh jam. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2025), jumlah penduduk Sabah dianggarkan seramai 3.8 juta orang, terdiri daripada pelbagai etnik, bahasa, dan budaya. Keunikan demografi ini menjadi kekuatan sosial negeri, namun pada masa yang sama menimbulkan cabaran terhadap pelaksanaan dakwah, khususnya di kawasan pedalaman yang terbatas dari segi prasarana serta akses kepada pusat pentadbiran agama.

Zakat pula berperanan sebagai salah satu instrumen penting dalam Islam yang bukan sahaja bertujuan mengurangkan jurang sosioekonomi, tetapi juga memperkuuh dakwah melalui pengagihan berdasarkan keutamaan asnaf. Walaupun terdapat pelbagai kajian tentang perkembangan dakwah di Sabah, kebanyakannya lebih menekankan aspek sejarah atau penerimaan Islam dalam kalangan etnik tertentu. Sehubungan itu, artikel ini meneliti secara kritikal peranan zakat dalam memperkasa dakwah di Sabah dengan memberi tumpuan kepada empat aspek utama, iaitu kemiskinan, pendidikan, bimbingan muallaf, serta isu pelarian dan komuniti tanpa kerakyatan.

KAJIAN LEPAS

Sorotan literatur ini meneliti kajian-kajian terdahulu berkaitan peranan zakat dalam memperkasa dakwah di Sabah. Perbincangan tertumpu kepada tiga tema utama, iaitu gerakan dakwah dan dinamika keagamaan, pengurusan serta agihan zakat oleh MUIS dan institusi berkaitan, serta isu kontemporari seperti kemiskinan, pendidikan dan cabaran komuniti stateless. Pembahagian ini membolehkan penelitian dibuat secara lebih terarah dan seterusnya mengenal pasti jurang kajian yang masih wujud dalam konteks peranan zakat sebagai instrumen dakwah di Sabah.

Gerakan Dakwah dan Dinamika Keagamaan di Sabah

Kajian tentang perkembangan dakwah di Sabah memperlihatkan peranan signifikan gerakan dakwah dalam mengubah landskap demografi keagamaan negeri ini. Hajimin et al. (2021) menegaskan bahawa gerakan dakwah, khususnya melalui Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) di bawah kepimpinan Tun Datu Mustapha, telah menyumbang kepada perubahan komposisi penduduk Muslim daripada minoriti kepada majoriti antara tahun 1967 hingga 1976. Kajian ini memperlihatkan bahawa dakwah yang sistematik dan berterusan mampu mempengaruhi arah sosio-demografi sebuah negeri. Namun, kajian tersebut hanya menekankan aspek sejarah dan belum menghubungkan secara langsung instrumen zakat sebagai pemangkin dakwah kontemporari.

Selain itu, isu saudara baru turut menjadi fokus dalam pengurusan dakwah. Mokhtar (2024) menunjukkan bahawa Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) memainkan peranan penting dalam menyediakan bimbingan agama, bantuan kewangan dan sokongan kebajikan kepada mualaf. Walaupun dapat menunjukkan penerimaan positif daripada golongan ini, pengurusan yang lebih sistematik serta integrasi sumber kewangan seperti zakat masih diperlukan. Seiring dengan itu, Sintang et al. (2021) menekankan penglibatan NGO seperti Hidayah Centre Foundation (HCF) dalam membantu mualaf melalui program kebajikan dan sokongan komuniti, khususnya ketika krisis seperti pandemik Covid-19. Kajian ini memperlihatkan bagaimana inisiatif masyarakat civil mampu memperkuuh dakwah di peringkat akar umbi, namun masih kurang kajian yang membandingkan keberkesanan NGO dengan institusi zakat rasmi.

Manakala Mohamed Shapik et al. (2021) menekankan peranan Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) dalam memberi pendidikan tinggi khususnya kepada mualaf. Kajian ini mengangkat pendidikan sebagai elemen terpenting dalam mengekalkan identiti Islam dalam kalangan saudara baru, namun turut menunjukkan cabaran seperti kecenderungan mualaf untuk kembali meninggalkan Islam akibat kelemahan bimbingan berstruktur. Walaupun jelas bahawa institusi pendidikan memainkan peranan penting, penyelidikan terdahulu masih kurang mengaitkan fungsi dana zakat sebagai penyumbang utama kepada keberlangsungan pendidikan mualaf.

Pengurusan Zakat dan Kecekapan Agihan di Sabah

Zakat merupakan instrumen penting dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam, dan keberkesanannya sangat bergantung kepada kecekapan pengurusan institusi zakat. Ag Omar et al. (2017) menilai prestasi kewangan dan agihan zakat di bawah Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) dengan menggunakan data kewangan antara tahun 2000 hingga 2013. Hasil kajian menunjukkan peningkatan prestasi agihan zakat walaupun skor kecekapan tidak konsisten. Kajian ini menekankan kepentingan tadbir urus yang telus dan berkesan dalam meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat. Walau bagaimanapun, dapatan ini masih bersifat makro dan tidak menilai secara mendalam impak agihan zakat terhadap asnaf yang menerima bantuan, khususnya dalam konteks dakwah.

Selain itu, Abd Malik et al. (2022) meneliti skim bantuan zakat khusus kepada mualaf di Sabah. Kajian ini menunjukkan bahawa zakat telah membantu meningkatkan

taraf sosioekonomi mualaf serta mengukuhkan kefahaman agama mereka. Walaupun pelbagai skim bantuan disediakan, kajian ini mencadangkan perlunya penilaian lanjut mengenai tahap keberkesanan penyampaian maklumat zakat dan impak jangka panjang agihan tersebut terhadap proses pemantapan dakwah. Kedua-dua kajian ini menegaskan potensi besar zakat dalam memperkasakan dakwah di Sabah, namun masih terdapat jurang penyelidikan yang menilai secara komprehensif hubungan antara keberkesanan agihan zakat dengan peningkatan daya tahan mualaf serta pengukuhan dakwah masyarakat Islam secara keseluruhan.

Isu Kontemporari dan Cabaran Dakwah di Sabah

Dakwah di Sabah turut berdepan dengan pelbagai cabaran kontemporari yang memberi kesan langsung kepada usaha memperkasa masyarakat Islam. Salah satu isu utama ialah pendidikan kanak-kanak tanpa negara (*stateless*) khususnya komuniti Bajau Laut di Semporna. Mohd Hed et al. (2022) menunjukkan bahawa status tanpa negara menyebabkan kanak-kanak Bajau Laut terhalang daripada mendapat akses pendidikan formal, sekali gus mendorong mereka kepada buta huruf, eksloitasi ekonomi dan kemunduran sosial. Walaupun terdapat inisiatif pendidikan alternatif daripada NGO, ketiadaan penyelesaian struktural menyebabkan masalah ini terus berlanjutan. Kajian ini menekankan aspek kemanusiaan, namun tidak mengaitkan secara langsung instrumen zakat sebagai potensi intervensi untuk menyokong pendidikan alternatif komuniti *stateless*.

Kajian-kajian terdahulu telah memberikan gambaran jelas mengenai kepelbagaiannya usaha dakwah di Sabah sama ada melalui institusi rasmi, NGO, maupun institusi pendidikan. Selain itu, terdapat juga kajian yang menilai kecekapan pengurusan zakat serta peranannya dalam membantu mualaf. Namun, masih terdapat jurang yang ketara iaitu hubungan langsung antara keberkesanan pengurusan zakat dengan pengukuhan dakwah di Sabah belum dinilai secara menyeluruh. Kajian sedia ada lebih bersifat terpisah antara dakwah dan zakat, atau hanya menekankan salah satu dimensi tanpa meneliti integrasi kedua-duanya. Justeru, penyelidikan yang mengkaji zakat sebagai instrumen dakwah dalam menangani isu-isu kontemporari seperti kemiskinan, pendidikan, mualaf dan komuniti *stateless* amat diperlukan untuk memperkuuh peranan institusi zakat sebagai pemangkin dakwah di Sabah.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumentasi. Sumber data diperoleh daripada laporan rasmi Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), artikel jurnal berwasit, buku akademik, serta kertas kerja seminar yang berkaitan. Data dianalisis secara deskriptif dan tematik bagi mengenal pasti pola dan tema utama, sekali gus menilai secara kritikal peranan zakat dalam memperkasakan dakwah di Sabah melalui empat dimensi utama, iaitu kemiskinan, pendidikan, bimbingan mualaf, serta isu pelarian dan komuniti tanpa kerakyatan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Bahagian ini membincangkan peranan zakat dalam memperkasa dakwah di Sabah dengan meneliti empat aspek utama yang menjadi cabaran dan keutamaan setempat. Aspek tersebut ialah kemiskinan, pendidikan, bimbingan mualaf, serta isu pelarian, pendatang asing tanpa izin (PATI), dan komuniti tanpa kerakyatan. Perbincangan dibuat dengan merujuk data semasa daripada Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS), laporan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), serta kajian terdahulu. Analisis tematik ini bukan sahaja menekankan dimensi kebajikan, tetapi juga menyoroti bagaimana zakat berfungsi sebagai instrumen dakwah yang bersepada dalam menangani cabaran sosio-ekonomi masyarakat Islam di Sabah.

Dakwah Membasmi Kemiskinan

Kemiskinan merupakan antara isu utama yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan hidup dan kestabilan sosial masyarakat. Dalam perspektif Islam, usaha membasmi kemiskinan bukan sekadar agenda ekonomi, tetapi turut berkait rapat dengan tanggungjawab dakwah yang menekankan pemeliharaan maruah dan keseimbangan sosial. Di Sabah, isu ini lebih mencabar kerana negeri tersebut merekodkan kadar kemiskinan mutlak tertinggi di Malaysia, khususnya di kawasan luar bandar (DOSM, 2022). Justeru, zakat berperanan penting bukan sahaja sebagai mekanisme pengagihankekayaan, malah sebagai instrumen dakwah yang menyantuni golongan fakir miskin dan membantu mengukuhkan kedudukan mereka dalam masyarakat.

Dalam konteks Malaysia, Sabah kekal sebagai negeri termiskin dengan kadar kemiskinan mutlak luar bandar mencecah 28.5% pada tahun 2022 (DOSM). Perbandingan dengan negeri-negeri lain di Malaysia jelas menunjukkan bahawa Sabah berada pada tahap paling kritis dari segi kadar kemiskinan.

Rajah 1: Insiden Kemiskinan Mutlak Luar Bandar



Sumber: Kemiskinan di Malaysia 2022, Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan ini memperlihatkan cabaran besar dalam usaha dakwah kerana masyarakat yang berdepan tekanan ekonomi lebih terdedah kepada marginalisasi agama, sosial, dan pendidikan. Justeru, zakat memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai mekanisme pengagihankekayaan, tetapi juga sebagai instrumen dakwah dalam

mengangkat martabat hidup fakir miskin serta memperkuat ikatan mereka dengan Islam.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan zakat di Sabah sangat ketara dalam menyantuni golongan fakir dan miskin. Berdasarkan laporan Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah (BZF MUIS), agihan kepada golongan ini secara konsisten merangkumi lebih daripada separuh daripada keseluruhan agihan zakat tahunan. Pada tahun 2023, jumlah kutipan zakat ialah RM145.3 juta dengan agihan sebanyak RM140.9 juta. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM73.57 juta (52.2%) diagihkan kepada 118,694 penerima asraf fakir dan miskin. Pada tahun berikutnya, iaitu 2024, walaupun jumlah kutipan zakat menurun kepada RM134.5 juta, jumlah agihan meningkat kepada RM174.3 juta, dengan RM88.05 juta (50.5%) diagihkan kepada 54,460 penerima dalam kategori fakir dan miskin.

Jadual 1: Kutipan dan Agihan Zakat di Sabah

Tahun	Jumlah Kutipan	Jumlah Agihan
2023	RM 145,302,446.72	RM 140,953,600.96
2024	RM 134,461,310.65	RM 174,286,206.85

Sumber: Bahagian Zakat dan Fitrah (BZF), MUIS

Jadual 2: Agihan Zakat kepada Asraf Fakir dan Miskin di Sabah

Tahun	Fakir dan Miskin	Jumlah penerima	Peratus
2023	RM 73,574,633.67	118,694	52.2%
2024	RM 88,054,759.99	54,460	50.5%

Sumber: Bahagian Zakat dan Fitrah (BZF), MUIS

Jadual 1 dan Jadual 2 menunjukkan bahawa walaupun jumlah kutipan zakat menurun pada tahun 2024, jumlah agihan terutama kepada asraf fakir dan miskin tetap meningkat. Hal ini mencerminkan keutamaan institusi zakat di Sabah dalam memastikan kebijakan golongan paling memerlukan tidak terjejas.

Dakwah Melalui Pendidikan

Pendidikan merupakan tunjang utama dalam pembangunan manusia dan masyarakat. Al-Qur'an sendiri menegaskan keutamaan ilmu, antaranya melalui firman Allah SWT:

أَمْنٌ هُوَ قَانِتُ آنَاءِ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَخْذُرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُو رَحْمَةَ رَبِّهِ فُلْنَ هَلْنَ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ
وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ⁹

"*Katakanlah (wahai Muhammad): Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang-orang yang berakallah sahaja yang dapat mengambil pelajaran.*" (al-Zumar: 9)

Dalam ayat lain Allah SWT menekankan bahawa ilmu merupakan anugerah yang tinggi nilainya:

يُؤْتَى الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتيَ حَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَنْدَكُرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ ٢٦٩

"*Allah menganugerahkan al-hikmah (kefahaman mendalam tentang al-Qur'an dan al-Sunnah) kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan barangsiapa yang dianugerahi hikmah, maka sesungguhnya dia benar-benar telah dianugerahi kurnia yang banyak. Dan hanya orang-orang yang berakallah yang dapat mengambil pelajaran.*" (al-Baqarah: 269)

Dalam konteks Sabah, cabaran pendidikan masih ketara. Laporan Berita Harian (2023) mendedahkan bahawa lebih separuh daripada 1,292 sekolah rendah dan menengah di Sabah berdepan masalah bangunan daif atau uzur. Keadaan ini memperlihatkan jurang pendidikan yang nyata antara Sabah dan negeri-negeri lain di Malaysia, sekali gus memberi kesan terhadap akses ilmu bagi generasi muda.

Dari sudut peranan zakat, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) telah menyalurkan bantuan yang signifikan bagi memperkasakan pendidikan golongan asnaf. Pada tahun 2023, sejumlah RM27.68 juta (19% daripada keseluruhan agihan zakat) diperuntukkan untuk pendidikan. Jumlah ini meningkat kepada RM38.23 juta (22%) pada tahun 2024. Bentuk bantuan merangkumi pelbagai kategori, antaranya bantuan kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR), Maahad Tahfiz, elauan guru JHEAINS, guru panitia agama Islam, bantuan pendaftaran awal IPTA, tiket penerangan, serta dermasiswa bagi pelajar asnaf fakir, miskin, dan mualaf.

Selain itu, MUIS turut melaksanakan pelbagai inisiatif strategik. Antaranya ialah penubuhan Anjung Pendidikan Asnaf di Tawau, Penampang, dan Keningau yang menawarkan tuisyen SPM, kelas mengaji al-Qur'an, dan kelas agama secara percuma. MUIS juga menaja pelajar dalam bidang bukan pengajian Islam, sebagai usaha melahirkan tenaga kerja profesional daripada kalangan asnaf.

Beberapa program khas turut dijalankan melalui kerjasama strategik dengan institusi pengajian tinggi, antaranya:

1. Program Khas Bahasa Arab dengan Universiti Malaya (UM) – sejak 2002 hingga 2024, seramai 377 pelajar telah ditaja; majoriti berkhidmat sebagai guru dan penjawat awam.
2. Program Tahfiz Profesional-Kejuruteraan dengan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) – bermula 2013, kini terdapat 12 pelajar masih ditaja sehingga ke peringkat Ijazah hingga PhD.
3. Program Khas Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (DPLI) dengan Universiti Malaysia Sabah (UMS) – khusus untuk guru agama JHEAINS yang belum memiliki ikhtisas; setakat ini 67 orang telah ditaja (2 kohort).
4. Program Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (DIJAP) dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan UMS – setakat ini 5 orang pelajar telah ditaja.

Keseluruhan inisiatif ini menunjukkan bahawa zakat di Sabah tidak hanya tertumpu pada bantuan asas, tetapi juga memainkan peranan strategik dalam membentuk modal insan dan memperkuuh dakwah melalui pendidikan. Ia bukan sahaja menyediakan peluang akses ilmu, bahkan menjadi landasan penting untuk mengangkat martabat asnaf, memperkuuh keimanan, dan memutuskan rantaian kemiskinan.

Dakwah Mualaf

Sejarah perkembangan Islam di Sabah memperlihatkan satu transformasi penting daripada kedudukan sebagai agama minoriti sebelum merdeka kepada sebuah agama yang lebih dominan selepas era kepimpinan Tun Datu Mustapha. Penubuhan USIA (*United Sabah Islamic Association*) menjadi platform penyatuan pelbagai pertubuhan Islam, sekali gus memperkuuh usaha dakwah secara lebih sistematik (Mohd Amin & Don, 2021). Kekurangan pendakwah tempatan ketika itu diatasi dengan kehadiran ilmuwan Islam dari Filipina, Indonesia, dan Semenanjung. Strategi dakwah yang menumpukan kepada tokoh masyarakat seperti ketua kampung dan pemimpin politik juga terbukti berkesan kerana berjaya membuka jalan penerimaan Islam oleh pelbagai etnik seperti Dusun, Murut, Cina, dan India (Hajimin et al., 2025). Data JHEAINS mencatatkan bahawa antara tahun 2000 hingga 2009, seramai 18,491 orang memeluk Islam di Sabah, dengan sebahagian besarnya di kawasan Pantai Barat. Terkini, statistik 2024 menunjukkan bahawa etnik Kadazan Dusun merupakan kumpulan tertinggi yang memeluk Islam setiap tahun, diikuti oleh Murut, Rungus, dan Sungai.

Dari sudut kefahaman agama, tahap pengetahuan asas mualaf di Sabah masih berbeza-beza. Sebahagian besar mualaf memiliki al-Qur'an, buku panduan solat, dan Surah Yasin, menunjukkan penekanan awal kepada aspek ibadah asas. Namun, pemilikan bahan rujukan yang lebih mendalam seperti buku fiqh dan akidah masih rendah, mencerminkan keterbatasan akses kepada ilmu yang lebih komprehensif (Sarip, 2014). Keadaan ini digambarkan melalui Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Kajian Pemilikan Buku Agama dalam Kalangan Mualaf di Pantai Barat Sabah 546 orang mualaf

Jenis Buku	Ya (Kekerapan) (%)	Tidak (Kekerapan) (%)
alQuran	407	74.5
Terjemahan alQuran	294	53.8
Surah Yasin	434	79.5
Buku Panduan Solat	502	91.9
Buku Fiqh	188	34.4
Buku Akidah/Tauhid	240	44.0
Bacaan Umum Islam	275	50.4
	139	25.5
	252	46.2
	112	20.5
	44	8.1
	358	65.6
	306	56.0
	271	49.6

Sumber: Sarip. 2014. Sumber Pengetahuan Beragama Dan Tahap Kefahaman Muallaf Di Bahagian Pantai Barat Sabah

Analisis terhadap Jadual 3 menunjukkan wujud jurang antara pemilikan bahan asas dengan rujukan lanjutan. Sebagai contoh, hampir 92% mualaf memiliki buku panduan solat, tetapi hanya sekitar 34% memiliki buku fiqh dan 44% memiliki buku akidah. Hal ini menandakan bahawa kefahaman agama mualaf lebih tertumpu pada aspek praktikal ibadah berbanding penguasaan konsep akidah dan hukum hakam. Dari perspektif dakwah, dapatkan ini menekankan keperluan program bimbingan yang lebih sistematik, bukan sahaja bagi memantapkan amalan asas, tetapi juga untuk memperkuuh asas keilmuan Islam secara menyeluruh. Dari segi kefahaman istilah agama, sebahagian besar mualaf memahami konsep asas seperti aurat dan muhrim, tetapi masih ramai yang kurang menguasai istilah fiqh yang lebih teknikal seperti faraid, iddah, dan hadanah. Situasi ini boleh dilihat melalui Jadual 4 berikut.

Jadual 4: Kajian Kefahaman istilah fiqh dalam Kalangan Mualaf di Pantai Barat Sabah 546 orang mualaf

ADAKAH ANDA FAHAM MAKSUD PERKATAAN FIQH BERIKUT?				
Perkataan Fiqh	Faham	%	Tidak Faham	%
Hadalah	42	7.7%	504	92.3%
Faraid	76	13.9%	470	86.1%
Ahli Kitab	153	28.0%	393	72.0%
Iddah	179	32.8%	367	67.2%
Mughallazah	184	33.7%	362	66.3%
Samak	292	53.5%	254	46.5%
Muhrim/Mahram	377	69.0%	169	31.0%
Aurat	480	87.9%	66	12.1%

Sumber: Sarip. 2014. Sumber Pengetahuan Beragama Dan Tahap Kefahaman Muallaf Di Bahagian Pantai Barat Sabah

Analisis Jadual 4 menunjukkan bahawa tahap kefahaman mualaf lebih mantap pada istilah yang bersifat praktikal dalam kehidupan sehari-hari. Sebagai contoh, 87.9% mualaf memahami konsep aurat dan 69% memahami istilah muhrim/mahram. Namun, kefahaman merosot ketara terhadap istilah fiqh yang jarang diaplikasikan secara langsung dalam rutin harian, seperti hadalah (7.7%), faraid (13.9%), dan iddah (32.8%). Pola ini menggambarkan bahawa pendekatan dakwah sedia ada lebih menekankan bimbingan amali asas, sedangkan aspek fiqh mendalam masih kurang diberi perhatian. Keadaan ini mengisyaratkan kepentingan pembangunan modul khusus yang mengimbangi antara pengetahuan ibadah asas dengan kefahaman hukum-hukum syarak yang lebih luas.

Dari sudut agihan zakat kepada mualaf, jumlah penerima dan peruntukan kewangan menunjukkan variasi mengikut tahun. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5, data memperlihatkan perbandingan agihan zakat kepada asnaf mualaf bagi tahun 2023 dan 2024.

Jadual 5: Jumlah Keseluruhan Agihan Zakat untuk Mualaf

Tahun	Jumlah	Peratusan
2023	RM6,401,361.9	4.54%
2024	RM7,302,011.6	4.19%

Sumber: Bahagian Zakat dan Fitrah (BZF), MUIS

Analisis Jadual 5 mendapati bahawa jumlah keseluruhan agihan zakat kepada mualaf meningkat daripada RM6.40 juta (4.54%) pada 2023 kepada RM7.30 juta (4.19%) pada 2024. Walaupun peratusan agihan sedikit menurun, peningkatan dari segi nilai mutlak menunjukkan komitmen berterusan Bahagian Zakat dan Fitrah (MUIS) dalam memperkuuh bimbingan mualaf. Pola ini juga menggambarkan keutamaan strategik dalam memastikan kesinambungan sokongan dakwah kepada saudara baharu agar mereka lebih mantap dari segi kefahaman dan penghayatan Islam. Antara bentuk bantuan termasuklah Bantuan Mualaf Meraikan Saudara Baharu, Elaun Pelajar Kelas Bimbingan Saudara Kita (KBSK), dan sokongan kewangan lain. Walaupun peratusan agihan tidak besar berbanding fakir miskin, bantuan ini penting kerana ia berfungsi sebagai jambatan dakwah dalam memastikan saudara baharu mendapat sokongan moral, pendidikan, dan integrasi sosial yang baik.

Secara keseluruhan, usaha dakwah kepada mualaf di Sabah memperlihatkan gabungan faktor sejarah, cabaran kefahaman agama, dan sokongan berterusan daripada institusi zakat. Ia menegaskan bahawa keberkesanan dakwah bukan hanya melalui syahadah, tetapi juga kesinambungan bimbingan, pendidikan, dan sokongan sosio-ekonomi yang kukuh.

Dakwah Pelarian, PATI dan Stateless di Sabah

Sabah dianggarkan mempunyai jumlah penduduk bukan warganegara yang besar berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM, 2025) menganggarkan jumlah penduduk negeri tersebut ialah 3.8 juta orang, dengan lebih 1.04 juta terdiri daripada bukan warganegara. Malah, kadar pertumbuhan penduduk bukan warganegara direkodkan setinggi 28.75% berbanding hanya 3.47% bagi warganegara pada tahun yang sama (Penyata Rasmi Parlimen, 2024). Perkembangan demografi ini memperlihatkan cabaran besar kepada usaha dakwah kerana wujud kelompok masyarakat yang berada di luar rangka perlindungan hak asasi, pendidikan, dan ekonomi formal.

Fenomena ini tidak dapat dipisahkan daripada sejarah migrasi besar-besaran antara tahun 1970 hingga 1985, khususnya akibat konflik bersenjata di Selatan Filipina. Sebahagian besar daripada mereka dikategorikan sebagai pelarian perang dan diberikan dokumen sah di sisi undang-undang seperti Resit Sementara atau Kad Burung-Burung (Jabatan Unit Penempatan Jabatan Ketua Menteri, t.th.), IMM-13 (Jabatan Imigresen Malaysia, 1997), serta Sijil Banci (Majlis Keselamatan Negara - Negeri Sabah, 1985).

Namun, bermula tahun 1985 dan seterusnya, wujud pula kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), iaitu kumpulan individu yang memiliki kewarganegaraan tetapi masuk ke Malaysia tanpa melalui saluran undang-undang yang sah. Selain itu, muncul juga kumpulan stateless, iaitu individu yang tidak diiktiraf sebagai warganegara oleh mana-mana negara di bawah operasi undang-undang (United Nations Human Rights, 2001). Golongan ini berdepan keterbatasan serius, khususnya dalam akses kepada pendidikan, kesihatan, dan peluang pekerjaan, sekali gus menempatkan mereka dalam keadaan sangat rentan dan mudah terpinggir daripada arus pembangunan.

Cabaran utama golongan stateless ialah akses kepada pendidikan. Kajian Norhafiza Mohd Hed et al. (2022) mendapati kanak-kanak Bajau Laut (Pala'u) di Semporna tidak mempunyai peluang mengikuti pendidikan formal. Keadaan ini menyebabkan mereka bergantung kepada inisiatif pendidikan alternatif yang disediakan oleh beberapa NGO, termasuk Borneo Komrad, 1Moment 4Them, dan Gereja Anglikan St Matthew. Selain itu, Dr. Kathryn Anne Rivai bersama Fondation Rolf Schnyder menubuhkan Etania Schools di Sabah khusus bagi kanak-kanak terpinggir, terutamanya yang tidak memiliki dokumen. Sekolah-sekolah Etania yang kebanyakannya beroperasi di kawasan ladang kelapa sawit dan kampung ini mempunyai seramai 27 orang guru serta lebih 1,000 orang pelajar berusia antara 5 hingga 18 tahun (Astro Awani, 2024). Sementara itu, Denison Jayasooria (2019) melalui kajiannya mendapati bahawa sekurang-kurangnya 23 organisasi Kristian di Sabah turut melaksanakan pelbagai program pendidikan alternatif bagi kanak-kanak terpinggir, sekali gus menambah kepelbagaiannya bentuk sokongan pendidikan yang wujud. Di samping itu, Yayasan Ikhlas menubuhkan Pusat Pendidikan Islam al-Huda di Semporna dan Sandakan bagi memberi bimbingan asas agama kepada golongan asnaf termasuk pelajar tanpa dokumen. Sebanyak 9 orang tenaga pengajar ditempatkan di pusat tersebut untuk membimbing sekitar 540 orang pelajar yang majoritinya stateless, dengan peruntukan tahunan sebanyak RM25,750.00 melalui Wakalah Zakat (Yayasan Ikhlas, t. th.). Rajah 1 di bawah memperlihatkan suasana di Pusat Pendidikan Islam al-Huda, Semporna, yang menjadi sebahagian daripada usaha dakwah melalui pendidikan.

Rajah 1: Pusat Pendidikan Islam al-Huda, Semporna, Sabah



Sumber: Laman Web Rasmi Yayasan Ikhlas.

Dari sudut pengurusan zakat pula, Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) menetapkan syarat kelayakan bahawa penerima zakat mestilah warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Sabah. Ini mengehadkan akses golongan stateless untuk menerima bantuan secara langsung. Namun, MUIS memperuntukkan dana khusus kepada NGO yang menjalankan aktiviti kebajikan dan pendidikan, sekali gus menyalurkan manfaat

zakat secara tidak langsung kepada pelarian, PATI dan stateless. Statistik menunjukkan peningkatan peruntukan zakat kepada NGO, daripada RM7.8 juta pada tahun 2023 kepada RM15.4 juta pada tahun 2024, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Bantuan Badan/ Pertubuhan Kebajikan/Bukan Kerajaan(NGO) tahun 2023 dan 2024

TAHUN	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH AGIHAN
2023	236 BUAH INSTITUSI/BADAN	RM7,825,048.21
2024	420 BUAH INSTITUSI/BADAN	RM15,450,942.38

Sumber: Bahagian Zakat dan Fitrah (BZF), MUIS

Peningkatan ini memperlihatkan bahawa zakat di Sabah tidak hanya berperanan sebagai mekanisme pengagihan semula sumber ekonomi, tetapi turut berfungsi sebagai medium dakwah yang bersepada dengan entiti masyarakat civil dalam memperkuuh kebajikan serta memperluas capaian dakwah kepada kelompok masyarakat yang rentan.

Secara keseluruhan, dapatan kajian memperlihatkan bahawa zakat di Sabah memainkan peranan yang melangkaui fungsi tradisionalnya sebagai bantuan kebajikan. Ia terbukti menjadi medium dakwah yang strategik melalui tiga dimensi utama: menyantuni asnaf fakir miskin, memperkuuh akses pendidikan, membimbing saudara baharu, serta memperluas jangkauan dakwah kepada kelompok pelarian dan komuniti tanpa kerakyatan melalui kerjasama dengan NGO. Walaupun berdepan cabaran keluasan geografi, kepelbagaian etnik, dan keterbatasan sumber, usaha bersepada Bahagian Zakat dan Fitrah MUIS menunjukkan bahawa zakat mampu menjadi instrumen dakwah yang inklusif dan berkesan dalam memperkuuh kedudukan Islam di Sabah.

KESIMPULAN

Kajian ini menegaskan bahawa zakat memainkan peranan signifikan dalam memperkasa usaha dakwah di Sabah, khususnya dalam menangani isu kemiskinan, pendidikan, bimbingan mualaf, serta cabaran berkaitan pelarian dan komuniti tanpa kerakyatan. Kedudukan Sabah yang luas dengan banyak kawasan pedalaman yang sukar diakses menjadikan pelaksanaan dakwah lebih kompleks berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Justeru, keperluan dana zakat yang besar amat mendesak bagi memastikan setiap lapisan masyarakat, termasuk mereka yang tinggal jauh dari pusat bandar dan kelompok rentan, dapat disantuni melalui strategi pengagihan yang berkesan.

Bahagian Zakat dan Fitrah Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) telah menunjukkan komitmen tinggi dalam usaha menambah kutipan zakat serta memastikan agihan yang berfokus kepada keutamaan asnaf, walaupun beroperasi dengan keterbatasan sumber manusia di mana majoriti kakitangannya seramai 70 orang berstatus sementara. Keupayaan institusi ini memperkuuh kutipan dan memperluas capaian agihan menggambarkan peranan zakat bukan sekadar mekanisme kewangan, tetapi juga instrumen dakwah yang strategik dalam membina keyakinan, memperkuuh kesejahteraan, serta mengangkat martabat umat Islam di Sabah.

RUJUKAN

- Abd Malik, N. A., Tarmuji, R., Ahmadun, M., & Asal, S. S. D. Skim bantuan zakat kepada golongan mualaf di negeri Sabah oleh Majlis Ugama Islam Sabah. Sinergisme, 141.
- Ag Omar, P. M. F. F., Wahid, H., & Mohd Nor, M. A. (2017). Kecekapan pengurusan kewangan dan agihan zakat: Kajian di Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS). Jurnal Syariah, 25(3), 415–452. <https://doi.org/10.22452/j.s.vol25no3.3>
- Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah.
- Hajimin, M. N. H., Abang Muis, A. M. R., Mokhtar, S., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Abdul Hamid, J. (2021). Gerakan dakwah dan impaknya terhadap peningkatan komposisi Muslim di Sabah. International Journal of Law, Government and Communication, 6(23), 125–139. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.623009>
- Jayasooria, D., & Raj, J. (2019). Peranan masyarakat Kristian dalam memupuk perpaduan masyarakat melalui pembangunan sosio-ekonomi di Sabah. KITA-UKM Research Report Paper Series, 1, 1–25.
- Mohd Aswan, M. A., & Abdul Ghafar, D. (2021). Peranan organisasi Islam dalam gerakan dakwah mualaf di Sabah. QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research, 1(2), 42–52.
- Mohd Hed, N., Oskar, A., & Yaacob, N. H. (2022). Stateless issue in Semporna, Sabah: Impact on the stateless children's education (Sea Gypsies): Isu stateless di Semporna, Sabah: Kesan ke atas pendidikan kanak-kanak tanpa negara (Bajau Laut). EDUCATUM Journal of Social Sciences, 8(2), 32–43. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol8.2.4.2022>
- Mokhtar, A. E. (2024). PENGURUSAN DAKWAH KEPADA SAUDARA BARU DI JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS) SATU TINJAUN AWAL. *Jurnal Al-Sirat*, 24(2), 89-101.
- Shapik, M. Z. M., Othman, B., & Abd Latip, M. S. (2021). Hala tuju Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah (IPDAS) sebagai institusi pendidikan tinggi mualaf. Abdul Halim Tamuri, Baharudin Othman & Saeidah Syamielah Abd Rahman (pnyt.). Dlm. Sistem Pendidikan Mualaf di Malaysia, hlm, 167-181.
- Sintang, S., Khambali atau Hambali, K. M., Al-Ganiyy, K. L., Ramli, H. A., & Mokhtar, S. A. (2021). Penglibatan dan Sumbangan Bantuan Covid-19 Hidayah Centre Foundation (Hcf) kepada Saudara Baru. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 22(1), 15.